

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
TAHUN 2024**

Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2024 akan dikeluarkan pada **20 Mei 2025 (Selasa)**. Seramai 4,507 orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STAM Tahun 2024 di 132 buah pusat peperiksaan seluruh negara.

Calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan STAM Tahun 2024 daripada sekolah masing-masing **mulai pukul 10.00** pagi pada tarikh tersebut. Bagi calon persendirian, calon boleh menghubungi jabatan pendidikan negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan bagi memperoleh keputusan peperiksaan.

Pihak sekolah hendaklah memastikan pengurusan penyerahan keputusan peperiksaan STAM Tahun 2024 kepada calon dilaksanakan secara cekap dan teratur.

Calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian di pautan **myresultstam.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STAM Tahun 2024 mulai pukul 10:00 pagi pada 20 Mei 2025 (Selasa) sehingga pukul 6:00 petang pada 26 Mei 2025 (Isnin); dan/atau
- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan STAM Tahun 2024 dengan menaip **STAM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10.00 pagi pada 20 Mei 2025 (Selasa) sehingga pukul 6.00 petang pada 26 Mei 2025 (Isnin).

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua calon peperiksaan STAM Tahun 2024. Semoga kejayaan yang diraih menjadi pemangkin untuk terus melakar kecemerlangan pada masa hadapan.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
13 MEI 2025